



SIARAN MEDIA

JELAJAH ANTI-SCAM KEBANGSAAN: PERKASA RAKYAT KELANTAN HADAPI ANCAMAN PENIPUAN KEWANGAN DAN JENAYAH SCAM

KOTA BHARU, 14 November 2023 – Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Kelantan berlangsung selama dua hari bermula 14 dan 15 November 2023 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Bachok. Program anjuran CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama CelcomDigi Berhad dan Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS) ini disokong oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Manakala untuk peringkat negeri Kelantan, ia mendapat sokongan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Majlis Perasmian Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 - Peringkat Negeri Kelantan disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Almarhum Sultan Ismail Petra. Turut hadir ialah YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin Bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan; YB Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital; Jeneral Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin (Bersara), Pengerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia, YBr. Prof. Dr. Mohammad Bin Ismail, Timbalan Naib Canselor, UMK; YBr. Encik Roslan Rosli, Ketua Hal Ehwal Kerajaan, CelcomDigi Berhad serta beberapa tetamu kenamaan negeri yang lain.

Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 diadakan bertujuan untuk memupuk, memperkasa dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penipuan kewangan dan jenayah *scam* melalui perkongsian informasi mengenai lanskap keselamatan siber semasa, modus operandi terkini pelbagai jenis ancaman *scam*, serta perkongsian tips pencegahan dan amalan terbaik bagi mengelak dari menjadi mangsa jenayah *scam*.

“Insiden penipuan kewangan dan *scam* terus berleluasa, di mana *scammer* menggunakan pelbagai taktik yang semakin licik bagi memperdaya mangsa. Perkara ini perlu diberi perhatian wajar oleh semua pihak. Maka, program kesedaran mengenai jenayah *scam* perlu dilaksanakan secara berterusan agar informasi dapat diberikan kepada orang ramai. Menerusi program ini, orang ramai dapat mempelajari kaedah melindungi diri daripada menjadi mangsa *scam* selain dapat memperkasa diri dengan mengamalkan sikap kawal sendiri tatkala berhadapan dengan ancaman *scam*” kata Jeneral Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli Bin Mohd Zin (Bersara), Pengerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia.

Pada Januari sehingga Oktober 2023, Pusat Tindakbalas Insiden Siber Cyber999 yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia telah menerima sebanyak 4,898 insiden keselamatan siber, di mana penipuan dalam talian kekal berada di tangga teratas dengan jumlah insiden sebanyak 3,087. Manakala, statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), Bukit Aman pula menyatakan kes jenayah dalam talian meningkat sebanyak 23% bagi tempoh Januari hingga September 2023 berbanding 2022 dari 15,659 kepada 19,224 kes dengan nilai kerugian sebanyak RM687 juta, meningkat 29% berbanding tahun 2022.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CelcomDigi, Datuk Idham Nawawi, “Sebagai penyedia perkhidmatan digital, kami mempunyai tanggungjawab kami dalam mewujudkan pengalaman internet yang lebih selamat untuk semua warga digital. Kami menekankan prinsip A.C.T (BERTINDAK) iaitu memupuk Kesedaran (Awareness), meningkatkan tahap Pematuhan (Compliance) dalam organisasi dan bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan, serta mengoptimumkan penggunaan Teknologi (Technology) dalam memerangi ancaman *scam*. CelcomDigi memahami kepentingan menyediakan kesalinghubungan internet yang kondusif dan selamat untuk semua pengguna selain bertanggungjawab menyemai kemahiran penggunaan internet yang selamat di kalangan rakyat Malaysia. Kami percaya bahawa inisiatif secara kolektif ini dapat memberikan impak yang besar dalam memerangi *scam* secara berkesan.”

Dianggarkan seramai 500 peserta terdiri dari penjawat awam negeri, pelajar IPT, pensyarah, guru, remaja, belia, ibu bapa serta wakil komuniti hadir pada sesi dialog dan forum anti-*scam* sempena program ini.

Program Jelajah Anti-Scam Kebangsaan 2023 sebelum ini telah diadakan di Selangor/Kuala Lumpur (18 Februari 2023), Perlis (20 Mei 2023), Sarawak (2 & 3 September 2023) dan Sabah (28 & 29 Oktober 2023). Selain Kelantan, program ini akan turut diadakan di Johor dan dijangka berakhir di Putrajaya.

Program Anti-Scam Kebangsaan 2023 merupakan ilham Gabungan Bertindak Anti-Scam (GBAS) yang dianggotai oleh agensi kerajaan dan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) antaranya Bank Negara Malaysia (BNM), Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Persatuan Pengguna Siber Malaysia (MCCA), Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM), Yayasan Digital Malaysia (YDM), dan disokong oleh Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Program ini juga mendapat kerjasama dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) serta Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP).

Dikeluarkan bersama oleh:

Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia

Jabatan Komunikasi, CelcomDigi